


Journal of Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah

Volume 22 No. 1 (2026)

ISSN: 1823-4356 | e-ISSN: 2637-0328

Homepage: <https://jmqs.usim.edu.my/>



- Title : **Qur'ānic and Prophetic Foundations in *Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb*: A Content Analysis of Shaykh Muḥammad Khaṭīb Langgien's Sufi Pedagogy**
- Author (s) : Mohd Anuar Mamat
- Affiliation (s) : Universiti Sains Islam Malaysia
- DOI : <https://doi.org/10.33102/jmqs.v22i1.606>
- History : Received: March 30, 2026; Revised: May 15, 2026; Accepted: June 1, 2026; Published: June 30, 2026.
- Citation : Mohd Anuar Mamat. Penggunaan Sumber al-Quran dan Hadith dalam Dawā' al-Qulūb Karya Shaykh Muḥammad Khaṭīb Langgien : Qur'ānic and Prophetic Foundations in Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb: A Content Analysis of Shaykh Muḥammad Khaṭīb Langgien's Sufi Pedagogy. *Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*, 22(1), 58–81. <https://doi.org/10.33102/jmqs.v22i1.606>
- Copyright : © The Authors
- Licensing :  This article is open access and is distributed under the terms of [Creative Commons Attribution 4.0 International License](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)
- Conflict of Interest : Author(s) declared no conflict of interest

Penggunaan Sumber al-Quran dan Hadith dalam *Dawā' al-Qulūb* Karya Shaykh Muḥammad Khaṭīb Langgien

Qur'ānic and Prophetic Foundations in *Dawā' al-Qulūb min al-Uyūb*: A Content Analysis of Shaykh Muḥammad Khaṭīb Langgien's Sufi Pedagogy

Mohd Anuar Mamat*

Faculty of Quranic and Sunnah Studies

Member of Manuscript and Historiography Research Group (MAHIR)

Universiti Sains Islam Malaysia

Abstrak

Ilmu merupakan asas penting yang wajib dikuasai umat Islam dan menjadi teras pendidikan. Sejak zaman Nabi SAW sehingga kini, perkembangan pendidikan Islam telah mendorong lahirnya pelbagai karya mengenai falsafah serta amalan pendidikan termasuk di Alam Melayu. Antara tokoh yang menyumbang dalam bidang ini ialah Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgien, seorang ulama abad ke-19M yang terkenal dalam disiplin tasawuf dan tarekat melalui karyanya, *Dawā' al-Qulūb min al-Uyūb*. Walaupun karya ini dianggap penting, maklumat mengenai latar belakang penulis serta kepengarangan kitab ini masih terbatas. Kewujudan manuskrip asal di samping edisi cetakan lithograf membolehkan kajian mendalam dilakukan. Justeru, artikel ini bertujuan meneliti kandungan kitab tersebut melalui kaedah analisis kandungan dengan memberi perhatian khusus kepada penggunaan ayat al-Quran dan hadith sebagai sumber utama, sekali gus mengenal pasti kedudukan kitab ini sama ada bersifat asli, terjemahan, saduran, ataupun ringkasan daripada karya lain. Terdapat 20 ayat al-Quran dan 29 teks hadith yang dinukilkan secara langsung dalam kitab ini. Melalui analisis teks nukilan dan semakan kesahihan sumber tersebut, dapatan kajian diharap dapat menjelaskan autoriti serta kedudukan *Dawā' al-Qulūb min al-Uyūb* dalam tradisi penulisan Islam di Alam Melayu, seterusnya mengiktiraf sumbangan Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgien dalam bidang keilmuan.

Kata kunci: *Dawā' al-Qulūb*, Muḥammad Khaṭīb Langgien, sumber al-Quran, Hadith, analisis kandungan, kajian manuskrip

*Correspondence concerning this article should be addressed to Mohd Anuar Mamat, Universiti Sains Islam Malaysia at anuarmamat@usim.edu.my.

Abstract

Knowledge has remained a foundational pillar in Islamic intellectual tradition since the Prophetic era, shaping educational thought and praxis across regions, including the Malay World. Within this milieu, the 19th-century Acehese scholar Shaykh Muḥammad Khaṭīb Langgien emerges as a significant yet understudied figure, particularly through his Sufi work *Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb*. Despite its recognized importance, both the authorial background and the textual status of this work remain insufficiently explored. This study therefore aims to critically examine the application of Qur'ānic verses and Prophetic traditions within the text, while determining its nature as an original composition, translation, adaptation, or summary. Employing a qualitative content analysis methodology grounded in manuscript studies, the research analyses the extant manuscript and lithographic editions, focusing on 20 Qur'ānic citations and 29 ḥadīth narrations. The findings reveal that the text systematically integrates scriptural sources to construct a coherent framework of spiritual ethics centred on purification of the heart, discipline of the limbs, and cultivation of virtuous character. While the majority of Qur'ānic citations are accurate, minor textual inconsistencies are identified, and the ḥadīth corpus reflects varying levels of authenticity, including ṣaḥīḥ, ḥasan, ḍa'īf, and untraceable reports. Importantly, the work demonstrates substantial originality despite thematic and structural affinities with earlier Sufi texts, particularly those of al-Ghazālī and al-Palimbānī, indicating an adaptive yet independent scholarly contribution. This study thus establishes *Dawā' al-Qulūb* as a legitimate and authoritative work within the Malay-Islamic intellectual tradition, highlighting Shaykh Muḥammad Khaṭīb Langgien's role in synthesizing Qur'ānic and Prophetic guidance into a localized Sufi pedagogical discourse.

Keywords: *Dawā' al-Qulūb*, Muḥammad Khaṭīb Langgien, Quran, Hadith, content analysis, manuscript studies.

Pendahuluan

Ilmu merupakan perkara yang amat penting menurut Islam. Untuk memperolehi ilmu yang benar, para guru dan pelajar perlu melalui proses pengajaran dan pembelajaran berdasarkan perspektif Islam. Hal ini membawa kepada penulisan pelbagai karya tentang pendidikan Islam sama ada oleh para ulama Islam Arab mahupun ulama di Alam Melayu.¹ Secara khususnya,

¹ Harun Mat Piah, Ismail Hamid, Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham, Ab. Rahman Kaeh dan Jamilah Ahmad. *Traditional Malay Literature* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002); Siti Hawa Salleh. *Malay literature of the 19th Century*, terj. Quest Service. Kuala Lumpur: ITNM, 2010); Mohd Anuar Mamat. "Manuskrip Melayu dalam bidang Pendidikan

penulisan karya pendidikan Alam Melayu menunjukkan keunikan tersendiri, selain daripada kepelbagaian dan kandungan yang komprehensif, karya-karya tersebut juga adalah dihasilkan berteraskan adab dalam belajar dan mengajar.²

Justeru, artikel ini akan membincangkan salah satu karya yang ditulis oleh ulama Alam Melayu kurun ke-19M, iaitu kitab *Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb*. Kitab ini ditulis oleh Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgien, merupakan seorang ulama terkenal abad ke-19M, khususnya dalam disiplin ilmu tasawuf dan tarekat.³ Namun, beliau dan karyanya ini belum diperkenalkan secara khusus dan amat sedikit penulisan mengenainya. Aspek utama yang difokuskan dalam artikel ini ialah melakukan kajian terhadap kandungan karya Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgien ini dengan memberi perhatian khusus kepada sumber penulisan yang digunakan. Analisis dilakukan bagi mengenal pasti kedudukan karya ini, sama ada bersifat asli, terjemahan, saduran, ataupun ringkasan daripada karya lain. Selain itu, aspek nukilan turut dikaji, khususnya penggunaan ayat al-Quran dan hadis. Dapatan kajian diharap dapat menjelaskan autoriti dan kedudukan karya *Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb* dalam tradisi penulisan Islam di Alam Melayu, seterusnya menambah pengiktirafan terhadap sumbangan Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgien bersama karya-karya segenre yang lain.

Latar Belakang Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgien

Perkembangan pendidikan dan keilmuan di Aceh amat memberangsangkan bermula pada Abad ke-16M sehingga lah Abad ke-19M.⁴ Pada abad-abad ini lahirnya pelbagai ulama yang muktabar dan menyumbang kepada kemajuan ilmu dan pendidikan, walaupun keadaan politik semakin kurang stabil disebabkan pergolakan politik dan penjajahan pada abad ke-19M. Para pengkaji seperti Erawadi dan Fakhriati menyatakan khususnya pada Abad ke-19M terdapat lima orang ulama yang muktabar yang mempunyai sumbangan

Islam: Suatu kajian Awal di Perpustakaan Negara Malaysia". *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 15, (2017), 66-88.

² M. Mustaqim & Mohd Anuar. *Petua Menuntut Ilmu: Tibyān al-Marām, Menyatakan maksud Kitab Ṭalibah al-Ṭalabah dengan Bahasa Jawi*. (Kuala Lumpur: PNM, 2020), h. xii.

³ Lihat, Oman Fathurrahman. *Shaṭṭariyah Silsilah in Aceh, Java, and the Lanoe Area of Mindanao*. (Tokyo: ILCAA Tokyo University of Foreign Studies, 2016); Hermansyah. "Mi'rāj al-Sālikin ilā Martabat al-Wāṣilīn bi Jāh Sayyid al-'Ārifīn: Baqā' al-ṭariqah al-Shaṭārīyah fī Aceh fātrat al-isti'mār". *Studia Islamika*, 20 (3), (2013), 529-569; Azyumardi Azra. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII & XVIII : Akar Pembaharuan Islam Indonesia*. (Jakarta: Kencana, 2007).

⁴ Lihat, Snouck Hurgronje, Christian. *The Achehnese Vol.II*, terj. A.W.S O'Sullivan. (Leiden: E.J. Brill, 1906); Denys Lombard. *Kerajaan Aceh Zaman Suktan Iskandar Muda (1607-1636)*, terj. Winarsih Arifin. (Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia, 2014).

yang besar kepada tradisi keilmuan di Aceh.⁵ Mereka ialah Jalāluddīn Fāqih al-Ashī, Muḥammad Zayn al-Ashī, Abbās al-Ashī (Teungku Chik Kuta Karang), Isma‘il al-Ashī dan juga Muḥammad Khaṭīb Langgien. Maka dalam perbahasan ini, penulis akan mengemukakan pengenalan ringkas tentang biografi Muḥammad Khaṭīb Langgien dan kitabnya *Dawā’ al-Qulūb min al-‘Uyūb*.

Nama sebenar Muḥammad Khaṭīb Langgien ialah Muḥammad bin Khaṭīb, manakala Langgien itu merupakan nama daerah asal kelahiran beliau. Hal ini disebabkan sudah menjadi tradisi orang Aceh, termasuk masyarakat Pidie, menyebutkan lakab seorang ulama dengan nama tempat kelahirannya di belakang nama aslinya.⁶ Beliau merupakan seorang ulama Aceh yang berasal dari Langgien, Kecamatan Leungputu, Kabupaten Pidie. Dalam masyarakat Aceh, Syeikh Muḥammad bin Khaṭīb Langgien ini juga dikenali dengan nama Teungku Chik di Simpang, disebabkan ketika beliau dewasa dan selesai mengikuti pengajian, beliau telah mendapatkan izin daripada gurunya, Syeikh Muḥammad Ali untuk berhijrah ke Simpang, iaitu sebuah desa yang letaknya tidak jauh dari Langgien, sekitar tiga kilometer, namun ia terletak dalam kecamatan yang berbeda, iaitu Kecamatan Geulumpang Minceuk. Di sana, beliau mengajar ilmu agama kepada masyarakat dan menjadi ulama yang disegani.⁷

Berdasarkan beberapa kajian lepas, maklumat tentang kelahiran dan latarbelakang pendidikan Muḥammad Khaṭīb Langgien masih tidak banyak diketahui. Fakhriati menjelaskan berdasarkan data temubual daripada al-marhum Teuku Hasballah Dayah Tanoh Abe (m.2012), Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgien lahir di Cot Meuleuweuk, Gampong Lada, Langgien, Kecamatan Leungputu, Kabupaten Pidie pada tahun 1176H/1762M dan meninggal dunia pada tanggal 19 Zulhijjah 1276H/1859M.⁸ Namun, Ali Hasjmy (1983) terdahulu menuliskan bahawa beliau wafat pada malam Ahad 19 Zulhijjah 1275H dalam usia 99 tahun dan dimakamkan di Teupin Raya, Pidie, Aceh.⁹ Terdapat sedikit perbezaan antara Fakhriati dan Ali Hasjmy, tetapi

⁵ Erawardi. *Tradisi, Wacana dan Dinamika Intelektual Islam Aceh Abad XVIII dan XIX*. Disertasi, (Jakarta: UIN Syarif Hidayatullah, 2003); Fakhriati. “Refleksi Pengamalan Tasawuf di Aceh pada Abad ke-19M dalam Kitab Diya’ul Wara”. *Jurnal Lektur Keagamaan*, Vol. 12, (2), (2014): 322; Nabila Yasmin.. *Mi’rāj al-Sālikīn Karya Muḥammad Khaṭīb Langgīn dalam Tradisi Tasawuf Di Aceh Abad Ke-19*. Disertasi MA, (Kuala Lumpur: UTM, 2016), 70.

⁶ *Ibid*.

⁷ Ali Hasjmy. *Bunga Rampai Revolusi dari Tanah Aceh*, (Jakarta: Bulan bintang, 1978), 78-79; Fakhriati. *Refleksi Pengamalan Tasawuf*, 333-334; Nabila Yasmin.. *Mi’rāj al-Sālikīn*, 71; Wan Mohd Shaghir Abdullah (2007). *Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgīn: Ulama Sufi Penyebar Tariqat Shaṭṭariyah* (artikel pada 12 April 2007 dan di akses melalui web: <http://ulama-nusantara.blogspot.com/>).

⁸ Fakhriati. *Refleksi Pengamalan Tasawuf di Aceh*, h. 333.

⁹ Ali Hasjmy. *Bunga Rampai*, h. 78.

data terakhir yang diperolehi menjelaskan Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgien meninggal dunia pada 1276H/1859M.¹⁰

Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgien dilahirkan dalam lingkungan keluarga yang terhormat atau keluarga ulama. Hal ini dapat dikesan daripada gelaran ayahnya yakni *Khaṭīb*. Di Aceh, nama khaṭīb hanya diberikan kepada seseorang yang menjadi imam masjid. Tugas seorang *khaṭīb* adalah bertanggungjawab dalam bidang keagamaan, seperti pelaksanaan sembahyang Jumaat, sembahyang 'Id al-Fiṭr dan 'Id al-Aḍḥa, pernikahan dan lainnya. Oleh itu, gelar khaṭīb yang diberikan kepada bapa Syeikh Muḥammad menunjukkan bahawa beliau merupakan seorang tokoh agama, sebab tugas khaṭīb tidak pernah diberikan kepada orang biasa, melainkan kepada orang-orang khas yang mendalami agama Islam. Dengan mengetahui sedikit riwayat tentang bapanya, maka kemungkinan besar bahawa Syeikh Muḥammad telah mendapatkan pendidikan agama daripada orang tuanya semenjak daripada kecil lagi.¹¹ Selepas itu, beliau mendalami lagi ilmu di Dayah sebagaimana tradisi pembelajaran di Aceh pada umumnya, bahawa setiap anak akan dihantar ke pesantren (Dayah) untuk melanjutkan ilmu agama. Setelah tamat belajar dan mendapat izin daripada gurunya, Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgien kemudiannya berhijrah ke Simpang, sebuah desa yang letaknya tidak jauh dari Langgien. Di sanalah beliau mengembangkan keilmuan dan mendirikan Dayah untuk mengajar ilmu agama kepada masyarakat. Di sinilah juga beliau kemudian menikah dan memimpin Dayahnya dengan sejumlah murid dan mula terkenal dalam kalangan masyarakat.¹²

Sekitar tahun 1800-an, Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgien ditawarkan menjadi Qadi di wilayahnya, namun beliau menolak tawaran tersebut disebabkan tidak merestui perang saudara yang terjadi pada saat itu dengan alasan pengembangan wilayah untuk uleebalang. Akibatnya, Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgien diusir oleh Kepala Uleebalang Aron melalui Kepala Gampong Simpang, iaitu Keuchik Hasan. Akhirnya, beliau pun hijrah ke tempat yang belum diketahuinya. Beliau diminta untuk meninggalkan Simpang pada waktu malam agar tidak mengundang keresahan para murid dan pengikutnya. Beliau dikatakan menelusuri sungai meninggalkan Simpang dengan menggunakan rakit dari kumpulan buluh. Ketika rakit tersebut tersangkut, maka beliau pun berhenti. Tempat tersangkutnya rakit beliau itu adalah di Teupin Raya. Maka di sinilah kemudiannya, beliau menetap untuk berkhidmat terhadap ilmu dan sebagai pembela serta pendidik umat. Di

¹⁰ Nabila Yasmin. *Mi'rāj al-Sālikīn*, 71.

¹¹ Idris Badal. "Teungku Chik Di Simpang: Penyebar Tasawuf Akhlaqi di Aceh", dalam *Ensiklopedia Pemikiran 'Ulama Aceh*, Luthfi Aunie (ed), (Banda Aceh: Ar Raniriy Press, 2004), 121-122.

¹² Hermansyah. *Mi'rāj al-Sālikīn ilá Martabat al-Wāṣilīn*, h. 540; Fakhriati. *Refleksi Pengamalan Tasawuf di Aceh*, h. 334-335.

tempat ini juga, beliau meninggal dunia dan dimakamkan di tepi sungai Teupin Raya, desa Kruet Teumpeun, tepatnya di jalan Blandrang, sebelah utara Jambatan Teupin Raya, iaitu pada tahun 1276H/1859M.¹³

Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgien juga merupakan salah seorang ulama abad ke-19H yang banyak dalam menulis dan menerjemahkan kitab. Ahli warisnya menyebut bahawa Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgien memiliki empat puluh karya, namun sayangnya ahli warisnya tidak menjaga dengan baik sehingga hanya sedikit karya beliau yang boleh dikesan sampai sekarang ini.¹⁴ Antara karya-karya beliau ialah:

1. *Mi'rāj al-Sālikīn ilā Martabat al-Wāṣilīn bi Jāh Sayyid al-Mursalīn al-Ārifīn.*
2. *Asrār al-Dīn li Ahl Yaqīn.*
3. *Ku'ūs al-Muḥaqqiqīn.*
4. *Ḍiyā' al-Warā ilā Sulūk Ṭarīqat al-Ma'būd al-'Ulā.*
5. *Bustān al-Sālikīn.*
6. *Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb.*

Pengenalan Kitab *Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb*

Sebagaimana yang dikemukakan di atas, antara salah satu karya Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgien ialah *Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb*. Kitab ini membawa maksud “Ubat Segala Hati daripada Segala Aib”, ia merupakan sebuah kitab dalam genre ilmu Tasawuf. Ia dibahagikan kepada beberapa fasal. Antaranya, mukadimah, fasal berkenaan adab orang alim, adab orang yang belajar, fasal menjauhi maksiat anggota, taat dalam hati dan segala maksiat hati serta diakhiri dengan penutup. Kitab *Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb* ini mula diperkenalkan oleh Syeikh Isma'īl ibn 'Abd Muṭallib al-Ashī melalui kumpulan karangan ulama Acheh di dalam kitab berjudul *Jam'ū Jawāmi' al-Muṣannafāt*. Melalui kumpulan karya ini Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgien mula dikenali ramai.¹⁵

Dalam koleksi *Jam'ū Jawāmi' al-Muṣannafāt* tersebut, kitab *Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb* terletak pada susunan kitab yang ketujuh, bermula halaman 92-125.¹⁶ Susunan kitab ini pada kedudukan yang ketujuh adalah

¹³ *Ibid.*

¹⁴ Hermansyah. *Mi'rāj al-Sālikīn ilā Martabat al-Wāṣilīn*, h. 543; Fakhriati. *Refleksi Pengamalan Tasawuf di Acheh*, h. 335; Nabila Yasmin. *Mi'rāj al-Sālikīn Karya Muḥammad Khaṭīb Langgīn*, h. 72-73; Wan Mohd Shaghir Abdullah. *Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgīn: Ulama Sufi Penyebar Tarīqat Shaṭṭariyah*.

¹⁵ Isma'īl ibn 'Abd al-Muṭallib al-Ashī. *Jam'ū Jawāmi' al-Muṣannafāt*. (Fatani: Matba'ah Halabi, t.t.).

¹⁶ *Ibid.*

berdasarkan metodologi penulisan kitab oleh Isma'īl ibn 'Abd al-Muṭallib al-Ashī, yang mana beliau menyusun berdasarkan ketertiban ilmu, bermula dengan kitab *Hidāyat al-'Awwām* yang menghimpunkan akidah dan fiqh kemudian berakhir dengan ilmu tasawuf iaitu kitab *Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb* dan *I'lām al-Muttaqīn*. Secara keseluruhan, kitab *Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb* ini banyak persamaannya dengan *Hidāyat al-Sālikīn* karya Syeikh 'Abd al-Ṣamad Palembang terutamanya turutan perbahasan dan isi kandungan.¹⁷

Walaupun begitu, ia bukanlah merupakan karya nukilan semula atau ringkasan daripada *Hidāyat al-Sālikīn*, bahkan beliau turut membuat tambahan dan huraian untuk menjelaskan lagi isi kandungan yang dibincangkan. Tambahan pula, guru beliau Syeikh Muḥammad Ali juga merupakan murid kepada Syeikh Abd al-Ṣamad Palembang yang memungkinkan wujudnya jaringan keilmuan dan penerusan kepada perbahasan yang ada dalam *Hidāyat al-Sālikīn*. Selain itu, kitab *Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb* ini tidak diragui lagi bahawa ia merupakan karya sah kepada Muḥammad Khaṭīb Langgīen.¹⁸ Isma'īl ibn 'Abd al-Muṭallib al-Ashī dalam mukadimah *Jam'u Jawāmi' al-Muṣannafāt* sendiri turut menegaskan bahawa:

Kitab yang ketujuh *Dawā' al-Qulūb* daripada ilmu tasawwuf karangan penghulu kami yang sangat alim, lagi terhimpun padanya ilmu zahir dan ilmu batin iaitu Syeikh Muḥammad anak penghulu kami Syeikh Khaṭīb.¹⁹

Analisis Kandungan Kitab *Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb*

Kitab *Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb* karya Syeikh Muhammad Khatib Langgīen merupakan sebuah teks tasawuf yang memberi penekanan terhadap aspek akhlak dan penyucian hati. Kandungan kitab ini memperlihatkan usaha pengarang untuk membimbing masyarakat Muslim agar sentiasa menjaga hubungan dengan Allah dan sesama manusia melalui pengawalan diri dari segi lahiriah dan batiniah.²⁰ Salah satu aspek penting yang diketengahkan dalam naskah ini ialah berkenaan adab guru dan murid. Adab ini menjadi syarat utama dalam proses menuntut ilmu kerana ilmu hanya akan memberi keberkatan apabila murid menghormati gurunya. Antara adab yang

¹⁷ Wan Mohd Shaghir Abdullah. *Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgīn: Ulama Sufi Penyebar Tariqat Shaṭṭariyah*.

¹⁸ Fakhriati. *Refleksi Pengamalan Tasawuf di Aceh*, h. 335.

¹⁹ Isma'īl ibn 'Abd al-Muṭallib al-Ashī. *Jam'u Jawāmi' al-Muṣannafāt*, 3.

²⁰ Khairatunnisak, Hermansyah, dan Istiqomatunnisak. "Dawā' al-Qulūb Manuscript by Muḥammad Khaṭīb Langgīen (Text Editing and Study of Central Idea)." *Indonesian Journal of Islamic History and Culture* 3, no. 2 (2022): 30–41.

disebutkan termasuklah memberi salam sebelum memulakan bicara, tidak bercakap tanpa izin, tidak menyanggah guru secara terburu-buru, serta menjaga perbuatan dan percakapan ketika berada di hadapan guru. Penekanan kepada adab ini menunjukkan bahawa pendidikan dalam tradisi Islam bukan sekadar pemindahan ilmu, tetapi turut merangkumi pembentukan akhlak murid.²¹

Selain itu, teks ini menekankan tentang menjauhi maksiat anggota, iaitu larangan terhadap penyalahgunaan anggota tubuh seperti mata, telinga, lidah, perut, tangan, kaki, dan alat kelamin. Setiap anggota mempunyai potensi untuk membawa manusia kepada maksiat sekiranya tidak dijaga. Misalnya, mata dilarang daripada melihat perkara haram, lidah ditegah daripada berdusta, manakala perut tidak boleh diisi dengan makanan yang haram.²² Penekanan terhadap penjagaan anggota ini menggambarkan hubungan rapat antara akhlak lahiriah dengan kesucian batiniah.

Di samping itu, kitab *Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb* ini turut mengupas secara terperinci mengenai maksiat hati, yang dianggap lebih berbahaya kerana tersembunyi tetapi mampu merosakkan amal dan keikhlasan seseorang. Antara penyakit hati yang disebutkan ialah hasad, cinta harta, cinta dunia, takabur, ujub, dan riya. Penyakit-penyakit ini bukan sahaja merosakkan jiwa individu, bahkan berpotensi menjejaskan keharmonian masyarakat kerana sifat-sifat tersebut mendorong kepada perselisihan, kesombongan, dan perebutan dunia. Kitab ini juga mengandungi perbincangan tentang etika kehidupan, yang meliputi adab makan dan minum, berbicara dengan baik, serta menghindari sifat marah atau *ghadab*. Semua aspek ini dipandang penting kerana mencerminkan akhlak seorang Muslim dalam kehidupan seharian. Etika kehidupan yang ditetapkan dalam teks bukan sekadar bertujuan sosial, tetapi juga dilihat sebagai ibadah yang melatih jiwa untuk tunduk kepada syariat Allah dan mengawal hawa nafsu.

Bahagian yang paling menonjol dalam kitab *Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb* ialah penekanan terhadap sifat-sifat terpuji serta ketaatan hati. Sifat-sifat tersebut meliputi taubat, takut kepada Allah, zuhud, sabar, syukur, ikhlas, benar, tawakal, *mahabbah* (cinta kepada Allah), reda serta mengingat mati. Setiap sifat ini dijelaskan dengan maksud dan amalan yang praktikal, menunjukkan bahawa pengarang menekankan aspek penyucian jiwa sebagai jalan menuju kepada Allah. Dalam perspektif tasawuf, penyucian hati melalui sifat-sifat mahmudah merupakan inti ajaran rohani yang perlu dihayati oleh

²¹ Mohd Anuar Mamat. "Adab Guru dan Murid dalam Pendidikan Menurut Perspektif Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgjen." *Jurnal al-Tamaddun* 18, no. 1 (2023), 45–58.

²² Khairatunnisak, *et.al. Dawā' al-Qulūb Manuscript by Muḥammad Khaṭīb Langgjen*, 30–41.

setiap Muslim. Berikut adalah ringkasan terhadap kandungan *kitab Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb*:

Bahagian	Kandungan / Fokus Utama
Pendahuluan	Pengenalan maksud kitab sebagai “ubat hati daripada segala aib”, penjelasan tujuan penulisan dan manfaatnya.
Muqaddimah tentang Adab Guru dan Murid	Membincangkan adab guru dan murid, antaranya: <ul style="list-style-type: none"> - Memberi salam kepada guru- Tidak bercakap tanpa izin- Tidak menyanggah guru secara kasar- Duduk dengan tenang dan sopan- Menghormati guru dalam segala keadaan
Bab I: Menjauhi Maksiat Anggota	Membincangkan tentang anggota lahiriah manusia dan tanggungjawab memeliharanya, antara lain tentang: <ul style="list-style-type: none"> - Mata: melihat perkara haram - Telinga: mendengar umpatan atau perkara sia-sia - Lidah: berdusta - Perut: makan makanan haram - Alat kelamin: zina - Tangan & kaki: menyakiti orang lain atau menuju tempat maksiat
Bab II: Menjauhi Maksiat Hati	Membincangkan tentang maksiat hati dan sifat mazmumah: <ul style="list-style-type: none"> -Gemar akan makanan-Gemar akan percakapan-<i>Ghadab</i>- Hasad (dengki)- Cinta harta berlebihan- Cinta dunia- Takabur- Ujub- Riya
Bab III: Ketaatan Hati	Membincangkan tentang ketaatan hati dan sifat mahmudah: <ul style="list-style-type: none"> - Taubat- <i>Khawf</i>- Zuhud- Sabar- Syukur- Ikhlas & benar- Tawakal- <i>Mahabbah</i> (cinta Allah)- Reda- Mengingat mati
Khatimah tentang Perihal Tambahan Adab Murid	Penegasan bahawa kejayaan rohani bergantung kepada usaha membersihkan hati daripada sifat tercela dan

Bahagian	Kandungan / Fokus Utama
	menghiasinya dengan sifat terpuji. Terdapat tambahan perihal adab murid yang lebih terperinci.

Secara keseluruhan, *Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb* bukan sekadar teks tasawuf, tetapi juga berfungsi sebagai panduan rohani yang menyeluruh bagi pembentukan akhlak lahiriah dan batiniah. Ajaran-ajaran yang terkandung di dalamnya dapat dianggap sebagai bentuk terapi rohani, kerana ia membimbing manusia untuk menjauhi sifat tercela (*madhmūmah*) dan menggantikannya dengan sifat-sifat terpuji (*maḥmūdah*). Dengan itu, kitab ini memberikan garis panduan yang jelas dalam usaha membentuk peribadi Muslim yang seimbang dari aspek rohani dan moral.

Merujuk kepada sumber khusus kepada kandungan kitab ini, di bawah ini disenaraikan dua sumber utama, iaitu petikan ayat al-Quran dan juga hadith Nabi SAW. Nukilan ini merupakan analisis berdasarkan teks *Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb* edisi litograf yang diterbitkan bersama dalam kitab *Jam'u Jawāmi' al-Muṣannafāt*. Petikan ayat al-Quran ini dinukilkan bersama terjemahan versi edisi tersebut, manakala ayatnya pula telah disunting dan menggunakan *Rasm 'Uthmānī*, bukannya daripada edisi asal litograf. Semakan terhadap kesemua ayat al-Quran yang dinukilkan menunjukkan hampir semuanya adalah tepat. Namun begitu, terdapat dua ayat yang dikemukakan tidak tepat, iaitu merujuk kepada halaman 96 dan 117:

Ketahui olehmu hai murid adalah segala anggotamu itu nikmat yang dijadikan Haq Taala akan dikau supaya dapat kau pinta tolong dengan dia kepada membawa ibadah yang disuruh Haq Taala akan dikau.

اعبدوا الله تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً.²³

Ayat tersebut merupakan ayat ke-55 daripada Surah al-A'raf dan ia tersalah nukilan, yang mana ayat asalnya ialah:

ادْعُوا رَبَّكُمْ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً

²³ Isma'īl ibn 'Abd al-Muṭallib al-Ashī. *Jam'u Jawāmi' al-Muṣannafāt*, 96.

Kekeliruan ataupun tersalah tulis ini hanya melibatkan dua perkataan yang awal sahaja. Hal ini mungkin disebabkan berlaku kesalahan semasa penyalinan semula teks disebabkan bentuk huruf yang hampir sama.

Begitu juga, berlaku kesilapan pada halaman ke-117, iaitu pengarang menukulkan:

Wajib kau redakan akan dia, seperti firman Allah Taala:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَرْضَىٰ لِعِبَادِهِ الْكُفْرَ.²⁴

Ayat tersebut merupakan ayat ke-7 daripada Surah al-Zumar dan ia tersalah nukilan dengan penambahan beberapa kalimah di depannya. Ayat asalnya ialah sebagaimana berikut:

وَلَا يَرْضَىٰ لِعِبَادِهِ الْكُفْرَ

Merujuk kepada penulisan teks hadith pula, hanya hadith yang ditulis bersama matan sahaja dikemukakan di sini. Hadith yang berbentuk penceritaan semua oleh penulis, sama ada berbentuk hikayat atau nukilan secara tidak langsung, tidak dimasukkan dalam artikel ini disebabkan ruang perbincangan artikel ini yang agak terhad. Hanya matan yang ditulis berbeza secara signifikan berdasarkan sumber daripada data Maktabah Shamilah dicatat dalam artikel ini untuk menjelaskan versi yang dinukilkan oleh penulis.

Begitu juga, terjemahan teks hadith juga dinukilkan semula sahaja tanpa ada suntingan supaya terjemahan dan matan asal dapat diteliti bersama dalam artikel ini. Dapatan daripada tinjauan penggunaan hadith ini menunjukkan penulis menukulkan hadith daripada pelbagai sumber. Kebanyakannya adalah berdasarkan sumber yang berautoriti, merangkumi kitab *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim* dan kitab Sunan yang lain. Namun begitu, terdapat juga sebahagian kecil sahaja hadith yang dikemukakan belum ditemui dalam mana-mana kitab rujukan hadith, hal ini memerlukan semakan secara ekstensif dan memerlukan perbincangan khusus pada penulisan yang lain. Dari sudut status hadith pula, ia mempamerkan status hadith yang pelbagai, sebahagiannya sahih, hasan, daif dan juga tiada asal baginya (*lā aṣla lahū*) selain daripada berlaku perbezaan lafaz antara matan yang ditulis dalam teks *Dawā' al-Qulūb* dengan matan yang ditemui dalam kitab hadith. Kesemua dapatan ini dicatat secara ringkas dalam jadual pada bahagian berikutnya.

²⁴ *Ibid*, 117.

Dengan ini, dikemukakan secara ringkas dapatan dan catatan terhadap dua sumber utama kitab *Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb* sebagaimana berikut:

Penggunaan Sumber al-Quran dan Hadith

- Sumber al-Quran

Bil	Ayat	Terjemahan daripada <i>Dawā' al-Qulūb</i>	Semakan Surah dan No. ayat
1.	أَدْعُوا رَبَّكُمْ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً	Ibadat oleh kamu akan Tuhan kamu dengan menghina diri kamu akan dia dan takut kamu akan dia dengan ibadat itu ialah maksud pada kejadian kamu.	Surah al-A'raf (7): 55.
2.	وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾	Tiada Ku jadikan jin dan manusia melainkan kerana buat ibadat mereka itu akan daku	al-Dhariyat (51): 56
3.	فَلْيَحْذَرِ الَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنْ أَمْرِهِ أَنْ تُصِيبَهُمْ فِتْنَةٌ أَوْ يُصِيبَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ	Maka hendaklah takut mereka itu yang menyalahi daripada suruhan-Nya akan bahawa datang akan mereka itu bala atau datang akan azab yang amat pedih.	Surah al-Nur (24): 63.
4.	وَظَهَرَ بَيْتِي لِلطَّائِفِينَ وَالْقَائِمِينَ وَالرُّكَّعِ السُّجُودِ	Firman Allah Taala kepada Nabi Ibrahim AS: Dan sucikanlah olehmu ya Muhammad akan rumahku, maka orang yang kehendak kembali kepada-Ku dan bagi orang yang cenderung kepada hampir dengan Daku yang menyerah diri kepada Aku reda-Ku.	Surah al-Hajj (22): 26.

5.	وَمَنْ دَخَلَهُ كَانَ آمِنًا	Dan barangsiapa masuk ia ke dalamnya, nescaya ada ia sentosa daripada azab-Ku	Surah Ali Imran (3): 97.
6.	قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا	Kerana firman Allah Taala: Telah bahagialah orang yang menyucikan dirinya daripada segala perangai itu	Surah al-Shams (91): 9.
7.	كُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ “	Makan oleh kamu dan minum oleh kamu dan jangan kamu berlebih-lebih kerana bahawasanya Allah Taala tiada dikasih Ia akan orang yang banyak makan	Surah al-A'raf (7): 31
8.	خُذِ الْعَفْوَ وَأْمُرْ بِالْعُرْفِ وَأَعْرِضْ عَنِ الْجَاهِلِينَ	Ambil lah olehmu ya Muhammad akan bermaaf-maaf dan suruh olehmu dengan perbuatan kebajikan, jangan kau hirau menyakiti mereka itu akan dikau dan berpaling olehmu daripada perbuatan orang yang jahil.	Surah al-A'raf (7): 199.
9.	سَيَطَوَّفُونَ مَا بَجَلُوا بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ	Lagi akan dikengkang harta yang dikikir itu kepada leher mereka itu pada hari Kiamat	Surah Ali Imran (3): 180.
10.	تِلْكَ الدَّارُ الْآخِرَةُ نَجْعَلُهَا لِلَّذِينَ لَا يُرِيدُونَ عُلُوًّا فِي الْأَرْضِ وَلَا فَسَادًا وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ	Itulah syurga yang kami jadikan akan dia bagi mereka itu yang tiada menghendak ketinggian dalam bumi dan bagi mereka itu yang tiada perbuat [Af.36r] jahat. Bermula nikmat yang berkekalan itu tertentu bagi orang yang takut akan Allah Taala	Surah al-Qasas (28): 83.

11.	إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقَاهُ	Bahawasanya yang terlebih mulia kamu kepada Allah Taala itu orang yang terlebih takut kepada-Nya	Surah al-Hujurat (49): 13.
12.	وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَ الْمُؤْمِنُونَ	Dan taubat oleh kamu kepada Allah Taala hai murid segala mukmin	Surah al-Nur (24): 31.
13.	وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا	Barangsiapa memerang ia akan dirinya dengan menyalah hawa nafsunya, sanya kami tunjuk akan mereka itu jalan kami yang betul supaya sampai kepada kami	Surah al-Ankabut (29): 69.
14.	إِنَّمَا يُوفِي الصَّابِرُونَ أَجْرَهُمْ بِغَيْرِ حِسَابٍ	Hanyasanya disempurnakan akan orang yang sabar akan pahala mereka itu dengan tiada terkira-kira banyaknya	Surah al-Zumar (39): 10.
15.	لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ	Demi Allah, jika kamu syukur sanya aku tambahlah akan kamu nikmatku dengan tiada terkira-kira banyaknya	Surah Ibrahim (14): 7.
16.	وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ	Dan tiada disuruh mereka itu melainkan berbuat ibadat akan Allah pada hal ikhlas mereka itu	Surah al-Bayyinah (98): 5.
17.	إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ	Bahawasanya Allah Taala itu kasih ia akan orang yang tawakal akan dia	Surah Ali Imran (3): 159.
18.	يُجِبُّهُمْ وَيُجِيبُهُمْ	Telah mengasih Haq Taala akan mereka itu dan mengasih mereka itu akan Dia	Surah al-Ma'idah (5): 54.

19.	رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ	Telah reda lah Allah Taala daripada mereka itu dan reda mereka itu daripadanya	Surah al-Bayyinah (98): 8.
20.	وَلَا يَرْضَىٰ لِعِبَادِهِ الْكُفْرَ	Bahawasanya Allah Taala itu tiada ia reda ia bagi hambanya akan kufur”.	Surah al-Zumar (39): 7.

- Sumber Hadith

Bil	Matan	Terjemahan daripada <i>Dawā' al-Qulūb</i>	Semakan awalan daripada <i>Maktabah Shamilah</i>
1.	شفاعتي لأهل الكبائر	Syafaatku di akhirat tetap bagi orang yang berdosa besar.	<i>Musnad Ahmad Sunan Abī Dāūd Sunan Tirmidhī</i>
2.	العلماء ورثة الأنبياء	Ulama pewaris para nabi.	<i>Musnad Dārimī Sunan Ibn Mājah Sunan Abī Dāūd Sunan Tirmidhī</i>
3.	من طلب شيئاً جداً وجد	Siapa yang menuntut sesuatu dengan sungguh-sungguh, maka ia mendapatkan sesuatu itu baik cepat atau lambat, walaupun ketika kematiannya semakin dekat.	Tiada ditemui
4.	إن أبغض الرجال إلى الله ألد الخصام	Sesungguhnya laki-laki yang paling dibenci Allah swt yang suka bantahan.	أبغض الرجال إلى الله الألد الخصم <i>Ṣaḥīḥ Bukhārī Sunan Tirmidhī Sunan Nasā'ī</i>
5.	من راح إلى غني ذهب ثلثا دينه	Siapa yang datang kepada orang kaya dengan sebab kekayaannya, maka hilang dua pertiga agamanya.	مَنْ تَضَعَعَ لِغَنِيِّ دَهَبٍ ثُلُثًا دِينَهُ

			<i>Zuhd Aḥmad Ibn Hanbal Shu'ab Imān</i>
6.	لا يحل لمسلم أن يهجر أخاه فوق ثلاث فمن هجر فوق ثلاث فمات دخل النار	Tidak halal bagi orang Islam meninggalkan saudaranya lebih dari tiga hari, maka siapa yang mendiamkan saudaranya lebih dari tiga hari mati ia dimasukkan dalam api neraka.	<i>Sunan Abī Dāūd Ṣaḥīḥ Muslim</i> dengan lafaz berbeza
7.	إذا كانوا ثلاثة فلا يتناج اثنان دون الثالث	Apabila mereka ada tiga orang, maka dua orang jangan berbisik-bisik padahal tidak dengan orang yang ketiga.	<i>Ṣaḥīḥ Bukhārī Musnad Aḥmad</i>
8.	قلب المؤمن بيت الله	Hati mukmin itu rumah Allah swt.	Tiada ditemui
9.	ما من عمل أحب إلى الله تعالى من جوع وعطش	Tidak ada amal yang lebih disukai Allah swt selain dari lapar dan dahaga.	<i>Masālik Sharḥ Muawatta' Mālik</i>
10.	مَنْ كَثُرَ كَلَامُهُ كَانَ النَّارُ أَوْلَىٰ بِهِ	Siapa yang banyak bicara, maka neraka lebih pantas untuknya.	من كثر كلامه كثر سقطه ومن كثر سقطه كثرت ذنوبه ومن كثرت ذنوبه كانت النار أولىٰ به <i>Ihyā' Ulūm al-Dīn Rawḍah 'Uqalā' Ibn Hibbān Awsaṭ Ṭabrānī</i>
11.	مَنْ صَمَّتْ أَرْبَعِينَ يَوْمًا يَأْتِي اللَّهُ الْحِكْمَةَ فِي قَلْبِهِ	Siapa yang diam selama empat puluh hari, maka Allah swt akan memberi ilmu hakikat pada hatinya.	Tiada ditemui

12.	ما غضب أحد إلا أشقى على جهنم	Tidaklah seseorang marah, kecuali akan mendekatkannya ke dalam neraka jahanam.	ما غضب أحد إلا أشقى على جهنم <i>Ihyā' Ulūm al-Dīn</i>
13.	الحسد يأكل الحسنات كما تأكل النار الخطب	Dengki dapat memakan semua kebaikan seperti api membakar kayu kering.	<i>Targhīb wa Tarhīb al-Asfahānī</i>
14.	السخي الجهول أحب إلى الله من العابد البخيل	Orang yang dermawan tetapi bodoh (jahil) lebih dicintai oleh Allah swt dibandingkan dengan orang 'abid tetapi kikir meskipun ia seorang yang alim.	<i>Ihyā' Ulūm al-Dīn Sunan Tirmidhī dengan lafaz berbeza</i>
15.	رجل معتزل في شعب من الشعاب يعبد ربه	Seorang laki-laki pindah dari negerinya ke suatu bukit di mana ia beribadah kepada Allah swt dan melupakan semua kenikmatan dunia.	<i>Ṣaḥīḥ Muslim Musnad Aḥmad</i>
16.	الدنيا رأس كل خطيئة	Dunia merupakan pokok dari semua kejahatan yang kebanyakan manusia terpedaya olehnya.	<i>Ihyā' Ulūm al-Dīn Shu'ab Īmān</i>
17.	الدنيا سجن المؤمنين وجنة الكافرين	Dunia itu penjara bagi orang mukmin dan surga bagi orang kafir.	الدُّنْيَا سِجْنُ الْمُؤْمِنِ وَجَنَّةُ الْكَافِرِ <i>Ṣaḥīḥ Muslim Musnad Aḥmad Sunan Tirmidhī Sunan Ibn Mājah</i>
18.	العزة ازارى والكبرياء رداى فمن نازعى فقد عذبتة	Kemuliaan itu kain pinggangku dan takabbur adalah selendangku, maka	يُشَوُّ اللَّهُ سُبْحَانَهُ: الْكِبْرِيَاءُ رِدَائِي، وَالْعِظْمَةُ

		siapa yang menariknya dari-Ku, Aku akan mengazabnya dengan azab yang tidak pernah aku berikan kepada orang lain.	إِزَارِي، مَنْ يَنَازِعَنِي وَاحِدًا مِنْهُمَا، أَلْقَيْتُهُ فِي جَهَنَّمَ <i>Sunan Ibn Mājah Musnad Aḥmad Sunan Abī Dāūd</i>
19.	إن أخوف ما أخاف عليكم الشرك الأصغر قيل وما هو قال: الرياء	Sesungguhnya yang paling aku takuti padamu adalah syirik <i>ashghar</i> . Seseorang bertanya: Apa itu ya Rasulullah. Beliau menjawab: Syirik <i>ashghar</i> itu adalah riya’.	<i>Musnad Aḥmad</i>
20.	أنا سيد ولد آدم ولا فخر	Aku adalah penghulu dari semua anak adam, tetapi aku tidak bermegah-megahan dengannya karena aku membawa berita yang benar.	<i>Musnad Aḥmad Ṣaḥīḥ Muslim Sunan Ibn Mājah Sunan Tirmidhī</i>
21.	إذا رأى أحدكم رؤيا يحبها فانما هي من الله فليحمد عليها وليحدث بها وإذا رأى ما يكره فانما هي من الشيطان فليتعوذ من شرها ولا يذكرها لأحد فإنها لا يضره	Apabila seseorang bermimpi melihat sesuatu yang ia sukai, sesungguhnya mimpi itu dari Allah swt, maka hendaklah ia memuji Allah swt atas nikmatnya dan hendaklah ia mengabarkannya kepada orang lain”. “Apabila seseorang melihat dalam mimpinya suatu yang ia benci, hendaklah ia berlindung kepada Allah swt karena itu sesungguhnya dari syaitan. Hendaklah ia bertawwuz kepada Allah swt dari semua keburukannya dan janganlah ia menceritakan kepada orang lain karena hal itu tidak akan	إِذَا رَأَى أَحَدُكُمْ رُؤْيَا يُحِبُّهَا، فَإِنَّمَا هِيَ مِنَ اللَّهِ، فَلْيُحْمَدِ اللَّهَ عَلَيْهَا وَلْيُحَدِّثْ بِهَا، وَإِذَا رَأَى غَيْرَ ذَلِكَ مِمَّا يَكْرَهُ، فَإِنَّمَا هِيَ مِنَ الشَّيْطَانِ، فَلْيَسْتَعِذْ مِنْ شَرِّهَا، وَلَا يَذْكُرْهَا لِأَحَدٍ، فَإِنَّهَا لَا تَضُرُّهُ <i>Ṣaḥīḥ Bukhārī</i>

		memberi mudharat kepadanya.	
22.	لم يبق من النبوة إلا مبشرات	Tidaklah ada yang tinggal (kekal) dari pangkat nubuwah melainkan semua yang membukakan hati orang mukmin yaitu mimpi.	<i>Ṣaḥīḥ Bukhārī Sunan Ibn Mājah Sunan Abī Dāūd</i>
23.	أصدقكم رؤيا أصدقكم حديثا	Orang yang mimpinya benar, orang itulah yang lebih benar perkataannya.	<i>Ikmāl al-Mu'lim Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim</i>
24.	التائب من الذنب كمن لا ذنب له	Orang yang taubat dari semua dosa sama dengan orang yang tidak berdosa.	<i>Sunan Ibn Mājah</i>
25.	اعلم أن النصر مع الصبر وأن الفرج مع الكرب وأن مع العسر يسر	Ketahuiilah bahwa pertolongan Allah itu ketika kamu sabar terhadap semua hal yang kamu benci, dan jalan keluar akan diberikan ketika kamu menahan diri dari makanan, pakaian dan yang lainnya. Dan kamu dalam kesukaran melawan hawa nafsumu, maka kamu akan sampai kepada Tuhanmu.	<i>Mustadrak Hākim Shu'ab Īmān</i>
26.	ازهد في الدنيا يحبك الله ازهد في الدنيا أدخل الله حكمه في قلبك	Tinggalkanlah dunia, maka kamu akan dicintai oleh Allah swt, dan jangan pedulikan benda (materi) yang ada pada manusia maka orang-orang akan mencintaimu. Tinggalkanlah dunia maka Allah akan memasukkan ke dalam hatimu ilmu hikmah.	ازهد في الدنيا يُحِبُّكَ اللهُ، وَازهد فيمَا في أَيَدِي النَّاسِ يُحِبُّوكَ <i>Sunan Ibn Mājah Ṣaḥīḥ Muslim Shu'ab Īmān</i>

27.	كن في الدنيا كأنك غريب	“adikan dirimu di dunia ini seperti orang yang merantau (berdagang)”	<i>Ṣaḥīḥ Bukhārī Musnad Aḥmad</i>
28.	الطاعم الشاكر بمنزلة الصائم الصابر	Orang makan yang bersyukur sama pahalanya dengan orang berpuasa yang sabar.	<i>Musnad Aḥmad Sunan Ibn Mājah Sunan Tirmidhī</i>
29.	أنا خزينة العلم وعلي بابها	Aku perbendaharaan ilmu dan Ali adalah pintunya.	أنا مدينة العلم وعلي بابها <i>Sunan Tirmidhī</i>

Kesimpulan

Islam amat menggalakkan umatnya mendalami ilmu pengetahuan, bahkan ia merupakan kefarduan kepada mereka. Untuk memperolehi ilmu tersebut, Islam meletakkan asas dan syarat-syaratnya agar ilmu senang diperolehi dan benar serta bermanfaat. Hal ini membawa kepada penulisan pelbagai karya. Karya-karya tersebut dihasilkan berteraskan adab guru dan murid yang menyulami aktiviti belajar dan mengajar. Artikel ini membincangkan salah satu karya Alam Melayu iaitu kitab *Dawā’ al-Qulūb min al-‘Uyūb* yang ditulis oleh Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgien, merupakan seorang sarjana terkenal abad ke-19M, khususnya dalam disiplin ilmu Tasawuf dan Tarekat. Kitab ini amat unik disebabkan ia memerihalkan ilmu Tasawuf oleh Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgien yang merupakan hasil adunan ilmu dan pengalaman beliau sebagai seorang guru Tarekat Shaṭṭāriyyah terkenal pada abad ke-19M. Beliau merupakan tokoh pelopor terhadap legasi Tarekat Shaṭṭāriyyah sebelumnya bermula dengan Syeikh Abd Ra’ūf Sinkilī (1615-1693) dan seterusnya Syeikh ‘Abd al-Ṣamad Falimbānī (1704-1789).

Terdapat lima perkara utama yang dibahaskan dalam kitab *Dawā’ al-Qulūb min al-‘Uyūb* ini, iaitu adab guru, adab murid, maksiat anggota, maksiat hati dan juga ketaatan hati. Perbahasannya tidak terlalu panjang, agak ringkas dan padat, namun memadai dalam menyimpulkan perihal ilmu tasawuf. Merujuk kepada kandungan, ia kelihatan mirip seumpama karya Imam al-Ghazālī, *Bidāyah al-Hidāyah* dan juga Syeikh ‘Abd al-Ṣamad Falimbānī, *Hidāyah al-Sālikīn*. Kajian awal kepada nukilan dan sumber

menunjukkan penggunaan ayat al-Quran dan Hadith yang hampir sama. Namun ia bukanlah karya terjemahan atau saduran langsung daripada keduanya. Terdapat juga tambahan dan perbezaan yang signifikan dalam kandungan melibatkan huraian dan sumber tambahan daripada Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgien sendiri. Hal ini menunjukkan bahawa beliau menggunakan sumber yang berautoriti dalam menulis karya ini, tambahan pula karya Imam al-Ghazālī dan Falimbānī amat mempengaruhi penghasilan karya-karya Tasawuf Alam Melayu.

Merujuk kepada sumber penulisan secara khusus, terdapat banyak nukilan daripada ayat al-Quran dan hadith yang digunakan. Terdapat 20 ayat al-Quran dan 29 teks hadith yang secara langsung dikemukakan oleh penulis. Kaedah penulisan adalah pelbagai; terdapat beberapa petikan ayat yang ditulis secara tidak tepat disamping tiada dikemukakan nama surah dan penomboran ayat. Penggunaan hadith dan statusnya juga pelbagai, sebahagiannya ada ditemui sumbernya, sebahagian lagi masih belum ditemui dan memerlukan semakan lanjut. Berdasarkan perbincangan dan kandungan dalam kitab ini, dapat disimpulkan bahawa Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgien menghasilkan kitab ini mungkin ditujukan kepada murid beliau yang masih lagi baharu dalam menelaah ilmu Tasawuf dan melazimi Tarekat. Ia merupakan karya Tasawuf peringkat awalan yang membicarakan persoalan asas seperti menjauhi maksiat anggota zahir dan mengenali serta melazimi ketaatan hati yang batin. Dengan analisis kandungan ini diharapkan dapat menjelaskan lagi status dan kepentingan kitab *Dawā' al-Qulūb min al-Uyūb* ini dalam korpus penulisan ilmu Tasawuf di Alam Melayu. Ia diharapkan membuka banyak ruang kepada kajian yang lebih mendalam dan menghasilkan edisi kritikal terhadap kitab ini.

Bibliografi

- Al-Quran al-Karim
'Abd al-Ṣamad Falimbānī. *Hidāyah al-Sālikīn*. Fatani: Maṭba'ah Bin Halabi, t.t.
Siyar al-Sālikīn. Bangkok: Maktabah wa Maṭba'ah Muhammad Nahdi wa Awladih, t.t.
- Abdullah, Wan Mohd Shaghir. "Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgien: Ulama Sufi Penyebar Tarīqat Shaṭṭāriyah." Akses 12 April 2007.
- Abū Ḥanīfah. *Kitab al-Ālim wa al-Muta'allim*. Dalam Mohd Anuar Mamat, *Pemikiran Pendidikan Imam Abū Ḥanīfah: Kitab al-Ālim wa al-Muta'allim*. Kuala Lumpur: CASIS dan HAKIM, 2016.
- Al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad. *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*. Jeddah: Dār al-Minhāj, 2011.
- . *Bidāyah al-Hidāyah*. Terjemahan Ahmad Fahmi Zamzam. Kedah: Khazanah Banjariah, 2012.
- Al-Zarnūjī, Burhān al-Dīn. *Ta'līm al-Muta'allim Tarīq al-Ta'allum*. Disunting oleh Muṣṭafā 'Āshūr. Kaherah: Bulaq, 1986.

- Alhamuddin. “Abd Shamad al-Palimbani’s Islamic Education Concept: Analysis of *Kitab Hidayah al-Sālikīn fī Sulūk Masālak lil-Muttaqīn*.” *QIJS* 6, no. 1 (2018): 89–102.
- Anonim. *Bab al-Adab*. MSS 2906A. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Anonim. *Tibyān al-Marām Ṭālibah al-Ṭalabah*. MSS 2906B. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Azra, Azyumardi. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII: Akar Pembaharuan Islam Indonesia*. Jakarta: Kencana, 2013.
- Deroche, François, et al. *Islamic Codicology: An Introduction to the Study of Manuscripts in Arabic Script*. London: Al-Furqan Islamic Heritage Foundation, 2006.
- Erawardi. *Tradisi, Wacana dan Dinamika Intelektual Islam Aceh Abad XVIII dan XIX*. Disertasi PhD, UIN Syarif Hidayatullah Jakarta, 2003.
- Fakhriati. “Refleksi Pengamalan Tasawuf di Aceh pada Abad ke-19M dalam Kitab *Ḍiyā’ al-Warā’*.” *Jurnal Lektur Keagamaan* 12, no. 2 (2014): 319–344.
- Fathurrahman, Oman. *Shaṭṭārīyah Silsilah in Aceh, Java, and the Lanoe Area of Mindanao*. Tokyo: ILCAA, Tokyo University of Foreign Studies, 2016.
- Harun Mat Piah, Ismail Hamid, Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham, Ab. Rahman Kaeh, dan Jamilah Ahmad. *Traditional Malay Literature*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.
- Harapandi Dahri & Firman Nugraha. “Kajian Kitab *Dawāul Qulūb Ilā Allām al-Ghuyūb untuk Kebijakan Penguatan Pendidikan Karakter Adab Guru dan Murid*.” *Journal of Religious Policy*, 1(2), (2022): 139–174.
- Hermansyah. “*Mi’rāj al-Sālikīn ilā Martabat al-Wāṣilīn bi Jāh Sayyid al-Mursalīn: Baqā’ al-Ṭarīqah al-Shaṭṭārīyah fī Aceh Fatrat al-Isti’mār*.” *Studia Islamika* 20, no. 3 (2013).
- Hurgronje, Christiaan Snouck. *The Achehnese*. Vol. 2. Terjemahan A. W. S. O’Sullivan. Leiden: E. J. Brill, 1906.
- Isma’īl ibn ‘Abd al-Muṭallib al-Ashī. *Jam’u Jawāmi’ al-Muṣannafāt*. Fatani: Maṭba’ah Bin Halabi, t.t.
- Khairatunnisak, Hermansyah, dan Istiqomatunnisak. “*Dawā’ al-Qulūb* Manuscript by Muḥammad Khaṭīb Langgien (Text Editing and Study of Central Idea).” *Indonesian Journal of Islamic History and Culture* 3, no. 2 (2022): 30–41.
- Mamat, Mohd Anuar. “Manuskrip Melayu dalam Bidang Pendidikan Islam: Suatu Kajian Awal di Perpustakaan Negara Malaysia.” *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 15 (2017): 66–88.
- “Adab Guru dan Murid dalam Pendidikan Menurut Perspektif Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgien.” *Jurnal al-Tamaddun* 18, no. 1 (2023): 45–58.

- “Manuskrip Karya Syeikh Muhammad Khaṭīb Langgien di Perpustakaan Negara Malaysia: Kajian Terhadap Naskhah Terawal Kitab *Dawa’ Al-Qulub Min Al-Uyub*”. Prosiding SAIS, (2025), 23-34.
- Mamat, Mohd Anuar, dan Wan Suhaimi Wan Abdullah. “Adab-adab Guru menurut Imām Abū Ḥanīfah: Kajian terhadap *Waṣiyyah Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf*.” *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World* 7 (2014): 97–130.
- Moris, Megawati. *Al-Ghazālī’s Influence on Malay Thinkers: A Study of Shaykh ‘Abd al-Samad al-Palimbani*. Putrajaya: ISSI, 2016.
- Mustaqim, M., dan Mohd Anuar Mamat. *Petua Menuntut Ilmu: Tibyān al-Marām Menyatakan Maksud Kitab Ṭālibah al-Ṭalabah dengan Bahasa Jawi*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2020.
- Ngah, Mohd Nor. *Kitab Jawi: Islamic Thought of the Malay Muslim Scholars*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1983.
- Nur Fathiah Binti Hasny, *et.al*. “Pemikiran Syeikh Muhammad Khatib Langgien's tentang Pendidikan Dalam Manuskrip *Diya’ al-Wara* dengan Rujukan Khusus Islam/Iman/Tauhid & Ma'rifah” *Prosiding Seminar Kearifan Tempatan ke-5*, (2024), 879-886.
- Perpustakaan Negara Malaysia. *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia Tambahan Ketiga*. Kuala Lumpur: PNM, 2003.
- Salleh, Siti Hawa. *Malay Literature of the Nineteenth Century*. Terjemahan Quest Service. Kuala Lumpur: ITNM, 2010.
- Yakob, Mohd Asmadi. *Keintelektualan Melayu dalam Manuskrip dan Kitab Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018.
- Yasmin, Nabila. *Mi’rāj al-Sālikīn Karya Muḥammad Khaṭīb Langgien dalam Tradisi Tasawuf di Aceh Abad ke-19*. Disertasi Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia, 2016.